

Kertas Bil. 22/2016



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESUARAT
PERTAMA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 28 MAC – 1 APRIL DAN 4 APRIL 2016**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN
SUMBER AIR SELANGOR (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER
RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR (JPK-SAS)
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG “KUANTITI: STATUS
TERKINI BEKALAN AIR MENTAH DAN AIR TERAWAT DI NEGERI
SELANGOR, STATUS PROJEK-PROJEK AKTIF DAN ISU INSIDEN PAIP
PECAH”**

KERTAS BILANGAN 7/2016

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (SPEC/AL
SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR) (JPK-SAS) BAGI
DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG “KUANTITI: STATUS TERKINI BEKALAN AIR MENTAH DAN AIR
TERAWAT DI NEGERI SELANGOR, STATUS PROJEK-PROJEK AKTIF, DAN ISU INSIDEN PAIP PECAH” YANG
TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN), PERSIDANGAN PENGGAL KEEMPAT,
DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 28 MAC - 1 APRIL 2016 DAN 4 APRIL 2016**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Uiasan MMKN (jika ada)/ Tindakan
7	Penyata Oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (Special Select Committee on Water Resource Management of the State of Selangor) (JPK-SAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung “Kuantiti: Status Terkini Bekalan Air Mentah Dan Air Terawat Di Negeri Selangor, Status Projek-Projeck Aktif, Dan Isu Insiden Paip Pecah”	<p>9.1. JPK-SAS telah menuis surat kepada Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor dan Y.B Tuan Zaidy bin Abdul Taib, Pengurus Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani pada 24hb Februari 2016. Menurut surat tersebut, penggantian paip di 23 buah kawasan hotspot di mana dana telah diluluskan di peringkat SYABAS hendaklah dilakukan dengan serta merta.</p> <p>✓</p>			<p>Melalui surat bertarikh 15 Mac 2016, Pentadbiran ini mengambil maklum saranan YB Puan bahawa Kerajaan Negeri melalui Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) perlu meminimumkan kejadian paip bocor pada musim kering untuk memastikan bekalan air terawat tidak terjejas. Pentadbiran ini telah merujuk kepada Air Selangor berhubung program penggantian paip yang telah dirancang untuk dipasang dalam tahun 2016 dan dimaklumkan terdapat 23 hotspot yang terlibat seperti dalam senarai di Lampiran 1. Bagi Fasa 1, proses tender sedang dijalankan dan dijangka pemasangan paip akan bermula pada akhir bulan April 2016 dan siap pada akhir bulan Disember 2016. Manakala bagi Fasa 2 hingga Fasa 5, ia telah dimasukkan dalam Pelan Perniagaan Air Selangor dan tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).</p> <ul style="list-style-type: none"> Untuk tempoh 2016, sebanyak dua belas (12) kawasan hot spot dengan jumpan paip panjang paip sebanyak 59.52km dengan bajet yang dianggarkan sejumlah RM50.0 juta akan mula diganti dengan paip baru
		9.2. Selain itu, untuk memastikan air terawat tidak dibazirkan lagi akibat paip pecah, Kerajaan Negeri Selangor hendaklah memastikan paip-paip lama digantikan di kesemua 84 hotspot yang telah dikenalpasti oleh SYABAS dalam masa satu (1) atau dua (2) tahun. Memandangkan masalah bekalan air adalah serius di Selangor, sebarang kelewatian atas alasan kos adalah tidak munasabah.	✓		



YB TUAH HAJI ZAIDI BIN ABDUL TALIB
Menteri Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR) (JPK-SAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG "KUANTITI: STATUS TERKINI BEKALAN AIR MENTAH DAN AIR TERAWAT DI NEGERI SELANGOR, STATUS PROJEK-PROJEK AKTIF, DAN ISU INSIDEN PAIP PECAH" YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN), PERSIDANGAN PENGGAL KEEMPAT, DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 28 MAC - 1 APRIL 2016 DAN 4 APRIL 2016

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Uiasan MMKN (jika ada)/ Tindakan
					<ul style="list-style-type: none"> Manakala sebelas (11) lagi kawasan hotspot yang melibatkan panjang paip sebanyak 84.98 km di kawasan Petaling, Kuala Lumpur, Kuala Langat, Sepang dan Hulu Selangor sedang dalam tindakan Air Selangor menyiapkan kerja reka bentuk.
		9.3. Kerajaan hendaklah memastikan dua Loji Rawatan Air baharu yang dirancang seperti perenggan 6.4 siap untuk beroperasi dalam jangka masa dua (2) tahun.		✓	<ol style="list-style-type: none"> 1) Bagi Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Semenyih 2, Tenaga Tiub Sdn Bhd telah dilantik sebagai kontraktor secara tender terbuka. Tarikh milik tapak ditetapkan pada 20 Mei 2016 . Tempoh Siap Kerja selama Sembilan Belas (19) bulan. Tarikh siap untuk seluruh kerja di bawah kontrak ini ialah 19 Disember 2017. 2) Bagi Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Labuhan Dagang, pelantikan kontraktor akan dimuktamadkan pada 01 September 2016. Tempoh keseluruhan kerja adalah selama 18 bulan. Tarikh siap untuk seluruh kerja di bawah kontrak ini adalah pada 30 Jun 2018.



Y.B. HAJI ZAIDI BIN ABDUL TALIB
Ahli Parlimen
Menteri Negara Kewangan
Menteri Darul Ehsan
EXCO

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATAN KUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR (SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR) (JPK-SAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG "KUANTITI: STATUS TERKINI BEKALAN AIR MENTAH DAN AIR TERAWAT DI NEGERI SELANGOR, STATUS PROJEK-PROJEK AKTIF, DAN ISU INSIDEN PAIP PECAH" YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN), PERSIDANGAN PENGGAL KEEMPAT, DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 28 MAC - 1 APRIL 2016 DAN 4 APRIL 2016

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan
		9.4. Kerajaan hendaklah melaksanakan kempen penijamatan air secara besar-besaran dengan efektif seperti yang lama dianjikan di sidang-sidang dewan yang lalu.		✓	Pelancaran kempen jimat air telah dilaksanakan pada 27 Mac 2016 di perkarangan Apartmen Julia, Bandar Baru Selayang, Gombak. Kempen ini bermatlamat untuk menggalakkan pengguna menggunakan air secara berhemah dan mengelakkan pembaziran serta memupuk rasa tanggungjawab di kalangan pengguna untuk memastikan bekalan air yang berterusan.



YETHUA HAJI ZAIDI BIN ABDUL TALEE
Ahli MPP Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Setiausaha Dato' Elisan